

26/10/1997

Agong utus tahniah kepada Austria

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Austria Dr Thomas Klestil sempena Hari Kebangsaan negara itu hari ini.

Menurut kenyataan Wisma Putra, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Viktor Klimma pula berharap rakyat Austria akan terus menikmati keamanan dan kemakmuran.

"Saya gembira hubungan di antara Malaysia dan Austria mencapai kemajuan hasil pertukaran kunjungan di antara pemimpin dan rakyat kedua-dua negara," katanya.

Menteri Luar Abdullah Ahmad Badawi dalam perutusan serupa kepada rakan sejawatannya Wolfgang Schuessel berkata beliau yakin bahawa hubungan kedua-dua negara akan terus erat pada masa akan datang.

(END)